

Perkembangan Monetari dan Kewangan



Tinjauan

Dasar monetari dan kedudukan kewangan terus menyokong pertumbuhan...

Dasar monetari pada tahun 2007 terus memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dengan kestabilan harga. Dengan inflasi yang terus reda dan pertumbuhan ekonomi yang mapan, kadar dasar semalaman (OPR) telah dikekalkan sejak April 2006. Kedudukan kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi, terutamanya kadar faedah yang kekal stabil. Penawaran wang berkembang disebabkan terutamanya oleh peningkatan ketara dalam operasi luar bersih dan pembiayaan sektor swasta yang mapan. Ringgit terus mengukuh berbanding dolar AS disokong oleh asas ekonomi yang teguh dan aliran masuk pelaburan portfolio yang lebih tinggi, diperkukuh oleh langkah mesra pasaran.

Bank pelaburan telah mula beroperasi dalam sektor kewangan. Sektor kewangan Islam terus berkembang kukuh dari segi aset, pembiayaan dan terbitan sukuk. Inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) yang dilancarkan pada Ogos 2006 dan disokong oleh insentif cukai yang menarik akan merangsang pertumbuhan kewangan Islam dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam. Industri insurans terus berkembang dipacu oleh pertumbuhan produk pelaburan dan simpanan. Peranan beberapa institusi kewangan pembangunan (IKP) telah diperkasa

untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada sektor yang disasar dengan dua IKP diberikan mandat untuk menyediakan pembiayaan mikro pada tahun 2007.

Dana yang diperoleh di pasaran modal telah meningkat ketara dalam tempoh separuh pertama 2007. Ini adalah hasil daripada terbitan lebih tinggi Sekuriti Kerajaan Malaysia bagi membiayai projek pembangunan dan terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) untuk membiayai aktiviti baru serta aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A). Pasaran ekuiti telah mencatat prestasi memberangsangkan dengan urus niaga yang lebih tinggi serta indeks komposit merekod beberapa paras tertinggi. Dagangan di pasaran derivatif juga lebih aktif dengan minat pelabur tertumpu kepada niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dan minyak sawit mentah (CPO). Beberapa langkah telah diperkenalkan dalam pasaran modal bertujuan memperkukuh pasaran dari segi peningkatan perlindungan pelabur dan kecekapan serta mempromosi derivatif dan kewangan Islam.

Dasar Monetari

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan...

Dasar monetari pada tahun 2007 terus menyokong pertumbuhan ekonomi yang mapan dengan kestabilan harga. Walaupun pertumbuhan ekonomi dunia menyederhana, prospek ekonomi Malaysia

kekalk positif, dipacu oleh penggunaan swasta yang kukuh dan pelaburan swasta yang kian berkembang. Tekanan inflasi telah reda dengan Indeks Harga Pengguna mengurang kepada purata 2.0% dalam tempoh Januari-Julai 2007 (2006: 3.6%) daripada 4.8% dalam bulan Mac 2006 berikutan pelarasan harga runcit petrol. Dalam persekitaran inflasi yang stabil dan kadar pertumbuhan yang mapan, OPR telah dikekalkan pada 3.50% sejak kenaikan terakhir pada April 2006, mencerminkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong aktiviti ekonomi.

Perkembangan Monetari

Penawaran wang dan pembiayaan sektor swasta terus berkembang...

Penawaran wang terus berkembang dalam tempoh enam bulan pertama 2007 dengan M1 meningkat 16.2% dan M3 12.6% pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: 13.7%; 13.0%). M1 atau wang secara kecil yang merupakan penunjuk baki urus niaga telah meningkat lebih pesat disebabkan penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan. Pengembangan M3 atau wang secara meluas sebahagian besarnya

adalah disebabkan oleh peningkatan lebih pesat dalam aset asing bersih, mencerminkan aliran masuk berterusan daripada perdagangan serta pelaburan langsung dan portfolio asing seperti di *Jadual 5.1*.


Kadar faedah kekal stabil dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi di sistem perbankan dalam tempoh enam bulan pertama 2007. Berikutan OPR tidak berubah pada paras 3.50%, kadar pinjaman asas bank perdagangan juga kekal pada paras 6.72% sejak Mei 2006. Kadar pinjaman purata turun kepada 6.49% pada Jun 2007 (akhir 2006: 6.57%) disebabkan mudah tunai yang tinggi dan persaingan hebat antara institusi perbankan. Kadar pulangan benar deposit tetap (FD) bagi semua tempoh matang telah meningkat berikutan penyusutan kadar inflasi kepada 1.4% pada Jun 2007. Kadar FD bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan berada antara 3.09% dan 3.71% pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: 3.11%; 3.73%).

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari - Jun

	Perubahan (RM juta)	
	2006	2007
M3	27,702.8	28,309.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-9,250.3	-19,737.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	20,323.5	20,765.6
Pinjaman	19,507.3	20,938.2
Sekuriti	816.2	-172.6
Operasi luar bersih	24,247.9	76,020.1
Bank Negara Malaysia	24,010.5	49,354.2
Sistem perbankan	237.4	26,665.9
Pengaruh lain	-7,618.3	-48,738.6

Sumber: Bank Negara Malaysia.



Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang 3.9% kepada RM290.9 bilion (Januari-Jun 2006: 2.9%; RM279.9 bilion) seperti di *Carta 5.1*. Pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan meningkat 0.6% kepada RM266 bilion (Januari-Jun 2006: 3.2%; RM264.4 bilion). Namun, ia diimbangi oleh PDS yang meningkat lebih tinggi sebanyak 60.4% kepada RM23.6 bilion (Januari-Jun 2006: 29.4%; RM14.7 bilion), sementara ekuiti yang diterbitkan meningkat 70.8% kepada RM1,307.5 juta (Januari-Jun 2006: -82.7%; RM765.6 juta).

Penunjuk hadapan sistem perbankan, iaitu **permohonan dan kelulusan pinjaman** mencatat pertumbuhan lebih pesat sebanyak 38.8% dan 46.5% (Januari-Jun 2006: -3.0%; 1.6%) dipacu oleh pinjaman kepada sektor perniagaan seperti di *Jadual 5.2*. Kelulusan pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat 83.3% kepada RM81.4 bilion (Januari-Jun 2006: 12.5%; RM44.4 bilion). Bagi sektor perniagaan, kelulusan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang kukuh sebanyak 45.3%. Kelulusan pinjaman kepada sektor isi rumah kembali positif pada tahun 2007 dengan pertumbuhan 11.8% dalam tempoh enam bulan pertama 2007 (Januari-Jun 2006: -6.8%). Pinjaman isi rumah telah meningkat selaras dengan sentimen pengguna yang positif berikutan peningkatan pendapatan, pasaran saham yang kukuh, harga komoditi yang lebih tinggi serta keadaan pasaran buruh yang stabil.

Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat 6.0% kepada RM614 bilion pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: 6.3%; RM593 bilion) seperti di *Carta 5.2*. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan, termasuk PKS meningkat 6.0% kepada RM245.2 bilion (akhir 2006: 4.2%; RM231.3 bilion). Pinjaman kepada PKS merupakan 43.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan 17.4% daripada jumlah keseluruhan pinjaman terkumpul pada akhir Jun 2007. Pinjaman perniagaan adalah terutamanya kepada sektor pembuatan (RM70.8 bilion; 11.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul), perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran (RM52.6 bilion; 8.6%) dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (RM38.6 bilion; 6.3%)

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari - Jun

Penunjuk	RM bilion		Pertumbuhan tahunan (%)	
	2006	2007	2006	2007
Jumlah				
Permohonan pinjaman	144.8	201.0	-3.0	38.8
Kelulusan pinjaman	91.7	134.2	1.6	46.5
Pengeluaran pinjaman	264.4	266.0	3.2	0.6
Pinjaman terkumpul ¹	593.0 ¹	614.0	6.3 ¹	6.0
di mana:				
Sektor perniagaan				
Permohonan pinjaman	77.0	114.1	1.4	48.2
Kelulusan pinjaman	44.4	81.4	12.5	83.3
Pengeluaran pinjaman ²	188.0	186.3	3.0	-0.9
Pinjaman terkumpul ¹	231.3 ¹	245.2	4.2 ¹	6.0
PKS				
Permohonan pinjaman	31.8	43.5	t.b	36.5
Kelulusan pinjaman	17.1	24.8	t.b	45.3
Pengeluaran pinjaman	66.1	67.5	t.b	2.0
Pinjaman terkumpul ¹	102.5 ¹	106.6	t.b	3.9
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	67.8	86.9	-7.7	28.1
Kelulusan pinjaman	47.2	52.8	-6.8	11.8
Pengeluaran pinjaman ²	76.5	79.7	3.7	4.2
Pinjaman terkumpul ¹	334.8 ¹	344.5	9.4 ¹	7.2


¹ Pada akhir tahun 2006.

² Untuk tahun 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai Definisi Standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.2

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman Terkumpul¹ dan Pertumbuhan



¹ Akhir tempoh.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

seperti di *Jadual 5.3*. Pinjaman terkumpul kepada isi rumah berkembang 7.2% kepada RM344.5 bilion (akhir 2006: 9.4%; RM334.8 bilion) dan mencakupi 56.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Sebahagian besar pinjaman kepada isi rumah kekal tertumpu kepada pembelian harta kediaman (RM167.6 bilion; 27.3%) dan kereta penumpang (RM99.1 bilion; 16.1%).

Ringgit mengukuh berbanding mata wang utama dalam tempoh enam bulan pertama 2007 seperti di *Carta 5.3*, disokong oleh aliran masuk perdagangan dan pelaburan yang berterusan. Pengukuhan ringgit juga disokong oleh asas ekonomi yang teguh, jangkaan pendapatan korporat yang lebih tinggi serta pengumuman beberapa langkah mesra pasaran. Langkah tersebut termasuk liberalisasi seterusnya dasar pentadbiran pertukaran asing, pengecualian cukai keuntungan harta tanah (RPGT) dan galakan cukai bagi Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).


Ringgit meningkat 2.2% berbanding dolar AS berikutan penyusutan nilai dolar akibat pertumbuhan ekonomi AS yang lebih perlahan dan kebimbangan terhadap kesan pasaran gadaai

JADUAL 5.3

Sistem Perbankan: Arah Aliran Pinjaman

	RM juta		Sumbangan (%)
	Akhir 2006	Akhir Jun 2007	Akhir Jun 2007
Pertanian primer	13,224.6	13,690.6	2.2
Perlombongan dan kuari	1,380.8	1,531.9	0.2
Pembuatan (termasuk asas tani)	66,125.0	70,825.3	11.5
Elektrik, gas dan bekalan air	4,659.6	3,439.3	0.6
Perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	52,690.8	52,563.3	8.6
Pembinaan	31,410.9	31,597.8	5.1
Harta tanah	16,907.1	17,539.1	2.9
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	11,385.5	13,931.0	2.3
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	34,183.6	38,593.5	6.3
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	6,157.3	6,758.7	1.1
Sektor isi rumah	334,812.5	344,521.2	56.1
Sektor lain	20,024.3	19,011.7	3.1
Jumlah	592,962.0	614,003.4	100.0

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia.

janji subprima kepada keseluruhan ekonomi. Ringgit mengukuh 6.0% berbanding yen Jepun berikutan penyusutan nilai yen disebabkan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah dasar tidak akan berubah. Di kalangan mata wang serantau, ringgit meningkat antara 1.7%-2.9% berbanding won Korea, dolar Singapura dan rupiah Indonesia tetapi menyusut antara 0.3%-3.6% berbanding yuan China, baht Thailand dan peso Filipina. Bagi tempoh akhir Jun 2007 hingga 24 Ogos 2007, ringgit menyusut berbanding mata wang utama dan serantau antara 1.0%-6.8%. Ringgit menyusut 1.0% berbanding dolar AS berikutan kejatuhan dalam pasaran saham domestik seiring dengan pasaran utama dan serantau yang lain ekoran daripada krisis gadai janji subprima di AS.

Dasar pentadbiran pertukaran asing yang dilonggarkan pada tahun 2004 dan 2005 terus diliberalisasikan berkuat kuasa 1 April 2007. Liberalisasi ini bertujuan meningkatkan daya saing Malaysia melalui pengurangan kos menjalankan perniagaan, memudahkan pengurusan risiko serta meningkatkan fleksibiliti untuk menjalankan

urus niaga mata wang asing. Antara langkah tersebut termasuk memansuhkan had yang dikenakan ke atas bank tempatan berlesen bagi akaun mata wang asing yang disenggara oleh pemastautin; memberi fleksibiliti tambahan kepada syarikat broker saham bukan pemastautin untuk memperoleh kemudahan overdraf ringgit daripada bank tempatan berlesen; memansuhkan had bilangan pinjaman harta tanah kediaman yang diperoleh bukan pemastautin; dan meningkatkan had kepada individu, syarikat dan pelabur institusi pemastautin untuk melabur dalam aset mata wang asing.

Perkembangan Sektor Kewangan

Kedudukan Sistem Perbankan


Sistem perbankan kekal teguh...

Sistem perbankan kekal teguh dalam tempoh enam bulan pertama 2007 disokong oleh permodalan yang kukuh, keuntungan yang

meningkat dan kualiti aset yang bertambah baik, sejajar dengan persekitaran ekonomi yang menggalakkan. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sistem perbankan sebanyak 13.1% pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: 13.5%), kekal lebih tinggi berbanding keperluan minimum Basel sebanyak 8.0% seperti di *Carta 5.4*. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat 69.2% kepada RM8.3 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2007 (Januari-Jun 2006: -18.2%; RM4.9 bilion), hasil daripada pendapatan lebih tinggi aktiviti berkaitan faedah dan fi serta keuntungan dari dagangan dan pelaburan. Kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik dengan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan turun kepada 4.1% pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: 4.6%), kadar terendah sejak krisis kewangan. Kedudukan yang lebih baik ini disokong oleh kutipan balik yang lebih tinggi, klasifikasi semula NPL kepada status berbayar, hapus kira yang berterusan serta penjualan NPL.

CARTA 5.4

**Sistem Perbankan:
NPL Kasar,¹ Nisbah NPL Bersih¹ dan
Nisbah Modal Berwajaran Risiko¹**



¹ Akhir tempoh.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Kemajuan Bank Pelaburan

Bank pelaburan memulakan operasi...

Sehingga akhir Jun 2007, 12 **bank pelaburan** telah beroperasi merangkumi sembilan kumpulan perbankan hasil penggabungan bank saudagar, syarikat pembrokeran dan syarikat diskaun serta tiga broker universal. Dua bank saudagar dan dua broker universal sedang dalam proses memenuhi syarat untuk menjadi bank pelaburan. Dengan penubuhan bank pelaburan, syarikat diskaun tidak lagi beroperasi.

Penubuhan bank pelaburan telah mengurangkan pertindihan sumber melalui rasionalisasi fungsi yang sama, meningkatkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan serta memperkukuh kelebihan daya saing. Usaha ini membolehkan bank pelaburan menjadi lebih berkesan, cekap dan berdaya tahan untuk mengendalikan aktiviti pasaran modal domestik dan antarabangsa.

Bank pelaburan dikawal selia bersama oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM). SC menjalankan kawal selia perniagaan dan gelagat pasaran bagi memastikan integriti pasaran dan perlindungan pelabur, manakala BNM memberi tumpuan kepada kawal selia berhemat untuk memastikan kestabilan kewangan. Pada masa ini, BNM dan SC sedang memuktamadkan Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menyelaraskan bidang tugas berhubung pengawalseliaan bank pelaburan.

Kemajuan Pelan Induk Sektor Kewangan

Pelaksanaan Pelan seperti dijadualkan...

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang dilancarkan pada Mac 2001 merupakan pelan terperinci untuk membangunkan sistem kewangan agar menjadi lebih dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan. Kemajuan pelaksanaan PISK adalah memuaskan dengan dua cadangan tambahan berkaitan piawaian pengurusan risiko berhemat dan pemansuhan sekatan pelaburan yang telah diselesaikan dalam tempoh separuh pertama 2007. Sehingga 30 Jun 2007, sejumlah 53 cadangan telah dilaksanakan sepenuhnya, sementara 30 cadangan lagi sedang dilaksanakan.

Jumlah ini mewakili 70.0% daripada 119 cadangan dalam PISK. Langkah pembangunan kapasiti dan infrastruktur yang telah dilaksanakan dalam fasa pertama dan kedua PISK telah memperkukuhkan kedudukan institusi kewangan untuk bersaing dalam persekitaran yang lebih liberal.

Antara perkembangan utama sejak pelancaran PISK adalah rasionalisasi perniagaan perbankan dan syarikat kewangan menjadi satu entiti, pelaksanaan rangka kerja perbankan pelaburan, pengenalan rangka kerja kadar faedah baru serta penubuhan sistem insurans deposit yang komprehensif di Malaysia. Satu lagi perkembangan penting ialah inisiatif MIFC yang bertujuan meletakkan Malaysia sebagai pusat originasi dan perdagangan instrumen kewangan Islam. Inisiatif MIFC juga akan menonjolkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, khidmat runding dan penyelidikan dalam kewangan Islam.

PISK juga memperkenalkan beberapa inisiatif perlindungan pelabur dan pendidikan seperti penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan kesedaran di kalangan pengguna, di samping memastikan mekanisme pembetulan mencukupi. AKPK telah ditubuhkan pada April 2006 untuk memberi khidmat nasihat kaunseling dan bantuan kepada pengguna berhubung kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang. Sehingga Mei 2007, sejumlah 29,533 individu telah mendapatkan khidmat AKPK. BPK yang ditubuhkan pada tahun 2005 adalah sebuah agensi bersepadu yang membantu pengguna menyelesaikan pertikaian dengan institusi perbankan, syarikat insurans, IKP dan pengeluar kad kredit serta kad caj bukan bank.

Perkembangan Kewangan Islam

Inisiatif selanjutnya untuk memperkukuh kewangan Islam...

Sektor kewangan Islam terus berkembang sebagai komponen penting dalam sistem kewangan Malaysia. Sehingga Julai 2007, terdapat 11 bank Islam yang merangkumi enam subsidiari Islam (dahulunya jendela perbankan Islam), dua bank

domestik dan tiga bank asing yang baru. Bank Islam asing telah mengembangkan rangkaian cawangannya dengan pesat kepada 15 cawangan sejak bank Islam asing pertama mula beroperasi pada Ogos 2005.

Inisiatif dasar untuk sektor perbankan Islam terus memberi penekanan kepada pengukuhan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko. Keperluan tambahan telah diperkenalkan seperti menzahirkan perkara berkaitan syariah dalam laporan tahunan, meningkatkan peranan juru audit dalam dengan memasukkan audit syariah serta peranan tambahan lembaga pengarah bagi melindungi pendeposit terutamanya pemegang akaun pelaburan. Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank Islam yang digubal oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) akan berkuat kuasa 1 Januari 2008. Pada Disember 2006, IFSB telah mengeluarkan Prinsip Panduan Tadbir Urus Korporat untuk Institusi yang Hanya Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam. Prinsip Panduan ini akan memudahkan institusi mengenal pasti bidang yang memerlukan struktur dan proses tadbir urus yang bersesuaian serta mencadangkan amalan terbaik dalam menangani isu tersebut.

Penambahbaikan selanjutnya juga dilakukan terhadap standard tadbir urus korporat dan berhemat untuk pengendali takaful. Pada Mac 2007, BNM telah mengeluarkan Garis Panduan Peranan Aktuari Dilantik yang menetapkan kriteria kelayakan untuk perlantikan aktuari serta tanggung jawab dan peranan mereka secara umum dan spesifik. Pengukuhan peranan aktuari dijangka akan membantu memperbaiki kualiti penyiasatan aktuari ke atas kedudukan kewangan dana takaful keluarga. Pada April 2007, BNM telah mengeluarkan Pekeliling bagi Penilaian Liabiliti untuk Takaful Gadai Janji Berkurangan Tempoh (MRTT) yang menetapkan asas penilaian minimum yang perlu dipatuhi oleh pengendali takaful semasa menilai liabiliti produk MRTT.

Usaha terus dipertingkatkan untuk menambah tenaga pakar dalam bidang syariah dengan menyediakan biasiswa dan geran penyelidikan yang dibiayai melalui Dana untuk Sarjana Syariah dalam Kewangan Islam di bawah BNM. Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) yang ditubuhkan pada Mac 2006 untuk membangunkan modal insan dan penyelidikan

dalam kewangan Islam, telah menerima status universiti pada 14 Disember 2006. INCEIF telah menjalinkan pakatan strategik dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara yang terkemuka dan kini mempunyai lebih daripada 700 pelajar.

Kemajuan Inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia

MIFC mencapai kemajuan baik...

Inisiatif MIFC yang dilancarkan pada Ogos 2006, disokong oleh galakan cukai yang menarik di bawah Bajet 2007 telah mencapai kemajuan ketara. Usaha telah ditumpukan untuk meningkatkan keupayaan institusi, menjalin pakatan strategik dan memulakan inisiatif promosi. Respon positif telah diterima daripada institusi kewangan tempatan dan antarabangsa untuk menyertai inisiatif MIFC, terutamanya dalam penubuhan bank Islam antarabangsa (IIB), pengendali takaful antarabangsa (ITO) dan unit perniagaan mata wang antarabangsa (ICBU). Sehingga Julai 2007, lapan institusi kewangan yang terdiri daripada tiga pengendali takaful dan lima bank Islam telah mendapat kelulusan untuk menubuhkan ICBU. Di samping itu, satu permohonan menubuhkan IIB telah diterima.

Usaha selanjutnya telah dilaksanakan untuk menjalin perkongsian strategik dengan peserta kewangan Islam global yang lain. BNM telah menandatangani MoU dengan Pihak Berkuasa Pengawalseliaan Pusat Kewangan Qatar dan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Dubai pada 27 Mac 2007. Perkongsian antara Asia Timur dan Barat ini menyediakan asas untuk mengeratkan hubungan di antara pusat kewangan Islam serta memperkukuh pembangunan kewangan Islam di persada antarabangsa. BNM juga telah menandatangani MoU dengan Japan Bank for International Cooperation (JBIC) pada 22 Januari 2007 untuk pembangunan kewangan Islam terutamanya berkaitan terbitan sukuk. JBIC sedang merancang untuk menerbitkan sukuk dalam denominasi ringgit di pasaran modal

Malaysia yang akan merupakan terbitan pertama oleh agensi kerajaan Jepun.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mempromosikan MIFC, BNM telah julung kalinya menganjurkan Forum Kewangan Islam Global (GIFF) di Kuala Lumpur dari 26 hingga 29 Mac 2007. Forum ini yang bertemakan “Memupuk Hubungan dalam Kewangan Islam” telah menarik lebih daripada 1,500 peserta dari 50 buah negara, termasuk 400 peserta asing. GIFF akan dianjurkan secara tahunan dalam usaha mempromosikan MIFC.

Perbankan Islam

Perbankan Islam terus berkembang...

Kedudukan modal sektor **perbankan Islam** kekal teguh dengan asas modal meningkat kepada RM14.7 bilion dan RWCR sebanyak 17.1% pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: 16.6%). Keuntungan sebelum cukai meningkat 32.9% kepada RM1 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2007, dipacu terutamanya oleh pertumbuhan dalam pendapatan daripada pembiayaan, dagangan dan pelaburan serta kutipan balik aset tidak berbayar yang lebih tinggi. Pulangan atas aset sebanyak 1.6% dan ekuiti 16.1%, hampir menyamai pulangan perbankan konvensional. Kualiti pembiayaan terus bertambah baik dengan pembiayaan tidak berbayar bersih (atau nisbah NPL bersih di bawah perbankan konvensional) berasaskan klasifikasi 3 bulan menyusut 8.3% kepada RM3.2 bilion mewakili 4.1% daripada jumlah pembiayaan.

Dalam tempoh enam bulan pertama 2007, jumlah aset sektor perbankan Islam berkembang 8.0% kepada RM143.7 bilion (akhir 2006: RM133 bilion) merangkumi 12.1% daripada jumlah aset sistem perbankan seperti di *Jadual 5.4*. Deposit perbankan Islam juga meningkat 8.4% kepada RM107.5 bilion (akhir 2006: RM99.2 bilion) mencakupi 12.8% bahagian pasaran. Pembiayaan meningkat 3.8% kepada RM81.5 bilion meliputi 13.3% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Pembiayaan perbankan

JADUAL 5.4

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	RM juta		Perubahan (%)
	Akhir 2006	Akhir Jun 2007	
Aset	133,003.9	143,697.6	8.0
Depositi	99,176.4	107,467.7	8.4
di mana:			
Pelaburan	64,136.8	71,133.9	10.9
Simpanan	11,096.0	12,029.6	8.4
Permintaan	20,525.2	19,491.9	-5.0
Lain-lain	3,418.4	4,812.2	40.8
Pembiayaan	78,518.3	81,532.1	3.8
di mana:			
Pertanian primer	2,996.5	2,970.1	-0.9
Pembuatan (termasuk asas tani)	8,333.5	9,229.6	10.8
Perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	3,885.3	3,864.6	-0.5
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	2,930.1	3,184.8	8.7
Sektor isi rumah	50,339.6	51,737.5	2.8

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Islam kekal tertumpu kepada sektor isi rumah membabitkan RM51.7 bilion atau 63.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir Jun 2007, terutamanya untuk pembelian kenderaan penumpang dan harta kediaman.

Industri Insurans

Pertumbuhan dipacu produk pelaburan dan simpanan....

Industri insurans terus berkembang, sejajar dengan prestasi ekonomi yang menggalakkan. Jumlah pendapatan premium industri insurans meningkat 9.8% kepada RM13 bilion dalam tempoh separuh pertama 2007 (Januari-Jun 2006: 2.4%; RM11.8 bilion) seperti di *Jadual 5.5*. Dalam tempoh yang sama, jumlah aset berkembang

JADUAL 5.5

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	Akhir 2006	Akhir Jun 2007 ¹
Insurans hayat (RM juta)		
Perniagaan baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,303.7	634.0
Jumlah diinsuranskan	186,919.9	101,301.5
Jumlah premium	7,161.7	3,833.0
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	10,534.5	10,703.4
Jumlah diinsuranskan	672,901.7	679,404.2
Premium tahunan	13,325.8	13,718.9
Pendapatan premium	17,120.2	8,919.0
Bayaran manfaat	7,311.1	4,325.9
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	9,639.3	5,186.8
Premium bersih	7,765.7	4,066.6
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	954.1	520.2
Nisbah bendungan ² (%)	89.1	88.7
Bilangan syarikat insurans		
Langsung:		
Hayat	8	8
Am	26	26
Komposit	8	8
Penginsuransan semula:		
Hayat	1	1
Am	4	5
Komposit	1	1

1 Data awal.

2 Premium bersih kepada premium kasar dan premium insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

14.2% kepada RM116.3 bilion seperti di *Jadual 5.6*, selaras dengan pertumbuhan perniagaan baru. Agihan aset terus tertumpu kepada sekuriti korporat dan sekuriti hutang serta sekuriti Kerajaan, mencakupi 64.6% daripada jumlah aset.

Sektor insurans hayat berkembang kukuh dengan premium perniagaan baru meningkat kembali sebanyak 19.1% kepada RM3.8 bilion (Januari-Jun 2006: -11.4%; RM3.2 bilion), dipacu terutamanya oleh peningkatan pesat jualan pelan pelaburan dan simpanan. Pertumbuhan jualan produk tersebut menyumbang 90.5% daripada peningkatan dalam premium perniagaan baru, disokong oleh sentimen menggalakkan di pasaran kewangan tempatan. Dari segi saluran pengagihan, premium baru yang dijana menerusi rangkaian bankasurans mencatat bahagian yang lebih tinggi sebanyak 50.1% dalam tempoh separuh pertama 2007 (Januari-Jun 2006: 44.5%), sementara bahagian pasaran oleh perniagaan agensi telah merosot kepada 43.7% (Januari-Jun 2006: 49.4%). Penembusan pasaran insurans hayat yang diukur dari segi jumlah polisi berkuat kuasa kepada jumlah penduduk, meningkat kepada

39.3% pada akhir Jun 2007 (akhir Jun 2006: 38.7%). Tahap ini menunjukkan potensi yang luas untuk meningkatkan kadar penembusan pasaran melebihi 80.0% seperti di negara maju.

Dalam **sektor insurans am**, pertumbuhan pendapatan premium motor terjejas berikutan jualan kenderaan bermotor yang berterusan sederhana. Premium motor kasar menguncup 1.9% kepada RM2.1 bilion (Januari-Jun 2006: 0.8%; RM2.2 bilion). Bagaimanapun, pertumbuhan kukuh sektor berkaitan minyak luar pesisir telah merangsang peningkatan premium insurans bagi marin, penerbangan dan transit, membolehkan industri insurans mengurangkan kesan kemerosotan dalam perniagaan motor.

Industri Takaful

Takaful berkembang pesat...

Industri takaful berkembang pesat dengan jumlah pendapatan sumbangan takaful meningkat 36.2% kepada RM1.2 bilion, mencakupi 8.1% daripada

JADUAL 5.6

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am (RM juta)

	Insurans Hayat		Insurans Am	
	Akhir 2006	Akhir Jun 2007 ¹	Akhir 2006	Akhir Jun 2007 ¹
Aset tetap	526.4	609.9	908.6	878.7
Pinjaman	10,789.1	11,184.9	250.3	249.2
Pelaburan	61,196.0	65,598.4	9,104.0	9,526.9
Sekuriti Kerajaan	15,985.9	16,421.1	3,132.5	3,207.0
Hutang dijamin Kerajaan	0.0	0.0	10.0	10.0
Sekuriti hutang dan korporat	45,210.1	49,177.3	5,961.5	6,309.8
Pelaburan harta tanah	2,970.6	3,059.8	198.7	209.4
Tunai dan deposit	10,342.9	10,881.6	6,107.4	6,346.2
Aset lain ²	3,825.1	5,071.7	2,253.9	2,657.9
Jumlah	89,650.1	96,406.3	18,822.9	19,868.3

1 Data awal.

2 Termasuk pelaburan lain dan dana asing lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

jumlah premium industri insurans pada akhir Jun 2007 seperti di *Jadual 5.7*. Bagi sektor takaful keluarga, sumbangan perniagaan baru berkembang 198.8% kepada RM1,069.6 juta (Januari-Jun 2006: -8.6%; RM358 juta). Peningkatan ini disumbangkan oleh produk takaful gadai janji, sejajar dengan penambahan pinjaman bank kepada sektor gadai janji. Penembusan pasaran yang diukur oleh jumlah sijil berkuat kuasa kepada jumlah penduduk telah meningkat kepada 6.8% pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: 6.6%). Dalam sektor takaful am, perniagaan motor kekal dominan dengan pertumbuhan 44.2% kepada RM191.8 juta (Januari-Jun 2006: 44.2%; RM133 juta). Aset takaful meningkat 17.1% kepada RM7.6 bilion pada akhir Jun 2007 dan menyumbang 6.2% kepada jumlah aset industri insurans.

Institusi Kewangan Pembangunan

Peningkatan keberkesanan IKP dalam membiayai sektor yang disasarkan...

IKP terus menyumbang kepada pertumbuhan sektor strategik dalam ekonomi seperti pertanian, pembuatan dan infrastruktur. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, peranan beberapa IKP telah diperkasa untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi sektor yang disasarkan. Berikutan kelulusan rangka kerja keinstitusian pembiayaan mikro yang mapan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada Ogos 2006, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) masing-masing diberi mandat pada Mac dan April 2007 untuk menyediakan pembiayaan mikro berlandaskan pertimbangan komersil kepada perusahaan mikro dan individu yang mengendalikan perniagaan. Pada masa ini, Bank Pertanian Malaysia (BPM) juga menyediakan pembiayaan mikro yang serupa kepada perniagaan mikro dalam sektor pertanian dan asas tani di bawah Skim Modal Usahawan Tani. Pengkorporatan BPM juga sedang dijalankan untuk meningkatkan kecekapan dan fleksibilitinya dalam menguruskan hal kewangan dan operasi. Ini selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk menstruktur semula dan memperkukuh BPM bagi meningkatkan keberkesanannya untuk menyokong pembangunan sektor pertanian.

JADUAL 5.7

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	Akhir 2006	Akhir Jun 2007
Aset¹ (RM juta)	6,899.0	7,623.4
Aset tetap	9.9	11.0
Pembiayaan	58.2	48.3
Pelaburan	5,989.1	6,680.4
Sekuriti Kerajaan	732.6	688.1
PDS dan ekuiti	3,191.2	3,467.5
Deposit pelaburan	2,065.2	2,524.8
Tunai dan baki di bank	192.8	152.7
Lain-lain	649.0	731.0
Perniagaan takaful keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah caruman (RM juta)	1,266.6	1,069.6
Jumlah penyertaan (RM juta)	33,627.3	24,031.1
Bilangan sijil	372,066	215,860
Perniagaan berkuat kuasa:		
Jumlah caruman ² (RM juta)	734.2	818.8
Jumlah penyertaan (RM juta)	118,053.5	126,896.5
Bilangan sijil	1,756,304	1,860,990
Perniagaan takaful am		
Caruman kasar (RM juta)	713.7	455.3
Tuntutan bersih dibayar (RM juta)	158.1	100.9

¹ Aset kumpulan wang takaful keluarga, takaful am dan dana pemegang saham.

² Caruman perniagaan berkuat kuasa dilaporkan untuk caruman tahunan sahaja.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Sejajar dengan strategi Kerajaan untuk menggalakkan syarikat dan usahawan Malaysia meneroka dan mengembangkan pasaran di luar negara, BNM telah menubuhkan Dana Khas berjumlah RM1 bilion di Export-Import Bank of Malaysia Berhad pada Disember 2006. Ini bertujuan memudahkan syarikat Malaysia, termasuk PKS, kontraktor dan profesional yang meneroka atau melaksanakan projek di luar negara, mendapat pembiayaan dari institusi perbankan tempatan di bawah dana tersebut melalui kemudahan jaminan kredit dan pembiayaan bersama.

Jumlah pinjaman terkumpul IKP meningkat 8.1% kepada RM59.9 bilion pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: RM55.4 bilion) seperti di *Jadual 5.8*. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pembiayaan lebih tinggi untuk kredit penggunaan, pembelian harta kediaman serta sektor maritim dan infrastruktur. Kredit penggunaan yang diberikan oleh Bank Rakyat dan BSN meningkat 11.8% kepada RM19.5 bilion pada akhir Jun 2007 disokong oleh permintaan pengguna yang kukuh. Pinjaman Bank Pembangunan Malaysia Berhad kepada sektor maritim meningkat kepada RM1.5

bilion, manakala sektor infrastruktur kepada RM15.6 bilion. Pinjaman ini terutamanya untuk membiayai industri pembinaan kapal dan sektor utiliti. Pinjaman kepada sektor pertanian meningkat 3.1% kepada RM3.7 bilion pada akhir Jun 2007, mencerminkan pembiayaan lebih tinggi oleh BPM untuk aktiviti penternakan, pemprosesan, perikanan serta pengeluaran baja dan biodiesel. Pembiayaan untuk PKS terus meningkat kepada RM14.7 billion, mencakupi 24.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP.

Perkembangan Pasaran Modal

Kemajuan Pelan Induk Pasaran Modal

Perakuan Pelan hampir selesai...

Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) dilancarkan pada tahun 2001 dan merupakan rancangan strategik untuk meletakkan Malaysia sebagai pasaran modal yang berdaya saing di persada antarabangsa. CMP dilaksanakan dalam tiga

JADUAL 5.8

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Haluan Berian Pinjaman

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	Akhir 2006	Akhir Jun 2007	Akhir 2006	Akhir Jun 2007
Pertanian primer	3,569.4	3,679.0	6.4	6.1
Pembuatan (termasuk asas tani)	4,755.9	5,077.0	8.6	8.5
Perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	803.3	968.6	1.4	1.6
Pembinaan	7,048.4	7,025.5	12.7	11.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	7,059.7	6,425.6	12.7	10.7
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	984.9	978.1	1.8	1.6
Lain-lain	31,216.8	35,769.4	56.3	59.7
Jumlah	55,438.4	59,923.2	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

fasa dan diselaraskan dengan Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan. Fasa 1 yang dilaksanakan pada tempoh 2001-2003 merupakan peringkat pembinaan asas dengan tiga pencapaian penting. Pertama, ia menandakan perubahan untuk memperkukuh rangka kerja tadbir urus korporat Malaysia setanding dengan amalan terbaik antarabangsa. Malaysia telah mencapai kemajuan ketara dalam tadbir urus korporat. Pencapaian ini diiktiraf oleh Bank Dunia dalam laporan yang dikeluarkan pada Januari 2007 dengan memberi markah tinggi kepada Malaysia untuk penzahiran dan ketelusan piawaian perakaunan. Kedua, ia meletakkan semula intermediari domestik yang bertujuan memantapkan mudah tunai serta menggalakkan skala dan kecekapan. Salah satu pencapaian penting ialah konsolidasi dan demutualisasi bursa saham yang menghasilkan penyenaian Bursa Malaysia. Ketiga, ia merupakan peralihan semua segmen pasaran kepada rejim berasaskan penzahiran (DBR) daripada rejim berasaskan merit. DBR adalah satu perkembangan penting dalam meningkatkan kecekapan menjana dana serta membantu memperluaskan pasaran modal.

Fasa 2 yang dilaksanakan dalam tempoh 2004-2005 merupakan satu peralihan yang menyaksikan perubahan lebih pesat dalam industri broker saham serta liberalisasi beransur-ansur bagi memperluaskan akses kepada pasaran modal Malaysia. Usaha ini telah membuka jalan bagi penubuhan bank pelaburan serta kemasukan broker saham dan pengurus dana asing. Manfaat DBR dan pendekatan pasca-penelitian menjadi lebih jelas selepas SC mengatur semula kebanyakan proses untuk membolehkan kelulusan dicapai dalam masa yang lebih singkat. Ini telah menyumbang kepada penjimatan kos yang besar bagi sektor swasta di samping meningkatkan keupayaan untuk memasarkan produk mereka mengikut masa yang ditetapkan.

Pelaksanaan pelan 10 tahun CMP kini berada di peringkat pertengahan Fasa 3, merangkumi tempoh 2006-2010. Pada akhir Jun 2007, sebanyak 80.0% daripada 152 perakuan CMP telah diselesaikan. Peringkat akhir CMP akan memberi tumpuan kepada bidang yang memerlukan pengawalseliaan, di samping meneruskan dengan perubahan teratur dalam struktur industri dan pasaran bagi mewujudkan satu arkitektur yang

bersesuaian untuk pasaran modal Malaysia yang berdaya saing dan maju di peringkat antarabangsa. Bidang tumpuan ini termasuk memperkukuhkan lagi rangka kerja tadbir urus korporat; peralihan kepada persekitaran yang lebih dinyahkawalselia dan kurang preskriptif berhubung penyeliaan intermediari pasaran modal; dan memperbaiki rejim pengawalseliaan. Sebagai contohnya, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 akan menggantikan Akta Industri Sekuriti 1983 dan Akta Industri Niaga Hadapan 1993.

Dana Yang Diperoleh Di Pasaran Modal

Aktiviti pembiayaan lebih rancak di pasaran modal...

Pasaran modal yang merangkumi ekuiti dan bon menyediakan satu sumber penting bagi pembiayaan jangka pertengahan dan panjang. Dana kasar yang diperoleh di pasaran modal meningkat kukuh sebanyak 53.2% kepada RM56.1 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2007 (Januari-Jun 2006: 5.1%; RM36.6 bilion) seperti di *Jadual 5.9*, dengan sektor swasta menyumbang bahagian yang lebih besar sebanyak 53.3% atau RM29.9 bilion. Terbitan sekuriti Kerajaan meningkat ketara sebanyak 80.9% kepada RM26.2 bilion (Januari-Jun 2006: -15.3%; RM14.5 bilion) bagi membiayai projek pembangunan. Walaupun penebusan lebih tinggi sebanyak RM24.6 bilion (Januari-Jun 2006: RM17.7 bilion), dana bersih yang lebih besar sebanyak RM31.5 bilion (Januari-Jun 2006: RM18.9 bilion) telah diperoleh.

PDS baru yang diterbitkan oleh sektor swasta terus berkembang 33.7% kepada RM28.6 bilion (Januari-Jun 2006: 60.5%; RM21.4 billion). Bon Islam kekal sebagai peneraju pasaran PDS dengan nota jangka pertengahan dan bon meliputi 52.3% daripada PDS yang diterbitkan. Selepas mengambil kira penebusan sebanyak RM16.4 bilion, PDS bersih yang diperoleh meningkat 48.3% kepada RM12.1 billion (Januari-Jun 2006: RM8.2 billion). Dana yang diperoleh di pasaran ekuiti meningkat 70.8% kepada RM1.3 bilion (Januari-Jun 2006: RM0.8 bilion) dengan syarikat didorong oleh keadaan pasaran yang memberangsangkan.

JADUAL 5.9

Dana yang Diperolehi di Pasaran Modal Januari - Jun

(RM juta)

	2006	2007 ¹
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11,005.6	19,215.4
Bon Khazanah	0.0	524.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan	3,500.0	6,500.0
Sekuriti hutang baru Kerajaan	14,505.5	26,239.8
Tolak: Penebusan	4,502.9	8,153.2
Dana bersih diperolehi	10,002.6	18,086.6
Oleh Sektor Swasta		
Saham² / Waran		
Tawaran awam permulaan	683.3	1,085.2
Terbitan hak	66.5	30.8
Tawaran persendirian	0.0	185.5
Waran	15.8	6.0
Terbitan saham / waran baru	765.6	1,307.5
Sekuriti hutang³		
Bon biasa	3,306.0	2,910.6
Bon boleh tukar	0.0	30.8
Bon Islam	3,360.0	5,958.0
Bon bersandarkan aset	745.9	3,540.3
Nota jangka sederhana ⁴	8,295.2	14,363.1
Bon Cagamas	5,650.0	1,750.0
Terbitan baru sekuriti hutang	21,357.1	28,552.9
Tolak: Penebusan	13,181.6	16,427.4
Sekuriti hutang baru	8,175.5	12,125.4
Dana bersih diperolehi	8,941.0	13,432.9
Jumlah dana bersih diperolehi	18,943.6	31,519.5

¹ Data awal.² Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan skim opsyen saham pekerja, hak langganan boleh pindah dan stok pinjaman tidak bercagar boleh tukar tidak boleh tebus.³ Termasuk bon yang diterbitkan oleh institusi perbankan sejak Julai 2000.⁴ Diklasifikasi sebagai instrumen hutang swasta bermula dari Januari 2004

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dari segi sektor, terbitan PDS dikuasai oleh sektor elektrik, gas dan air, mencakupi RM9.1 billion atau 34.0% daripada jumlah terbitan PDS dalam tempoh enam bulan pertama 2007 (Januari-Jun 2006: RM3.1 billion; 19.7%) seperti di *Jadual 5.10*. Sektor perkhidmatan kewangan dan perniagaan melibatkan RM9 billion atau 33.2% daripada PDS yang diterbitkan kerana syarikat menerbitkan PDS untuk membiayai modal kerja dan aktiviti kewangan. Dari segi penggunaan PDS, sebanyak 41.0% daripada hasil terbitan PDS digunakan untuk membiayai aktiviti baru (Januari-Jun 2006: 64.2%), mencerminkan pertumbuhan mapan dalam aktiviti pelaburan swasta.

Kegiatan M&A yang lebih teguh di pasaran menyebabkan penggunaan hasil terbitan PDS lebih tinggi dalam tempoh enam bulan pertama

JADUAL 5.10

Terbitan Baru PDS¹ Mengikut Sektor (Januari - Jun)

Sektor	2006		2007 ²	
	RM juta	% Sumb.	RM juta	% Sumb.
Pertanian primer	285.0	1.8	-	-
Perlombongan dan kuari	665.6	4.2	-	-
Pembuatan (termasuk asas tani)	270.7	1.7	2,008.4	7.5
Elektrik, gas dan bekalan air	3,096.5	19.7	9,108.2	34.0
Perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	5.4	0.0	74.0	0.2
Pembinaan	3,278.0	20.9	3,907.1	14.6
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	140.0	0.9	1,710.0	6.4
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	6,865.9	43.7	8,894.9	33.2
Kerajaan dan lain-lain	1,100.0	7.0	1,100.0	4.1
Jumlah	15,707.1	100.0	26,802.6	100.0

¹ Tidak termasuk bon Cagamas.² Data awal.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

2007. Amaun ini meningkat sembilan kali kepada RM7.3 bilion (Januari-Jun 2006: RM0.8 bilion) dan meliputi 27.0% daripada PDS yang diterbitkan. Bilangan tawaran pengambilalihan yang diluluskan oleh SC juga meningkat kepada 35 cadangan bernilai RM66.2 bilion dalam tempoh separuh pertama 2007 (Januari-Jun 2006: 15; RM8.3 bilion). Aktiviti M&A disokong oleh mudah tunai yang mencukupi di samping faktor lain seperti keperluan untuk skala ekonomi dan pasaran eksport baru.

Pasaran Ekuiti

Pasaran ekuiti yang memberangsangkan...


Sentimen **pasaran ekuiti** pada permulaan tahun 2007 terus memberangsangkan lanjutan daripada peningkatan kukuh sejak separuh kedua tahun 2006. Sentimen ini didorong oleh prospek pertumbuhan ekonomi domestik yang menggalakkan, pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), aktiviti M&A yang meningkat dan aliran masuk dana asing

yang berterusan. Bagaimanapun, pasaran mengalami pembetulan mendadak pada bulan Februari seiring dengan pasaran lain, berikutan kejatuhan ketara pasaran saham di China. Namun demikian, pasaran tempatan kembali pulih disokong oleh pengumuman langkah mesra perniagaan, termasuk liberalisasi peraturan pertukaran asing, pengecualian RPGT dan galakan cukai bagi WPI. Berikutan itu, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,246.87 mata pada akhir Mac 2007 (akhir 2006: 1,096.24 mata).

KLCI terus mencatat paras tinggi yang baru iaitu 1,306.34 mata pada 10 April 2007, melepasi tahap psikologi 1,300 mata, kali pertama sejak 5 Januari 1994 (1,314.46 mata). Nilai pasaran juga buat kali pertama meningkat melepasi ambang RM1 trilion kepada RM1,003 bilion pada 14 April 2007 (akhir 2006: RM849 bilion). KLCI terus melonjak, mencapai paras tertinggi yang baru kepada 1,392.18 mata pada 24 Julai 2007 dan ditutup 1,373.71 mata pada akhir Julai 2007, meningkat 25.3% sejak akhir 2006 dan merupakan antara prestasi indeks yang terbaik di rantau ini seperti di *Carta 5.5*. Bagaimanapun,

CARTA 5.5

Prestasi Pasaran Saham Terpilih (Akhir 2006 - Akhir Julai 2007)



Sumber: Bloomberg.

JADUAL 5.11

Bursa Malaysia: Penunjuk Indeks Terpilih (Januari - Jun)

	2006	2007
Indeks harga¹		
Komposit	935.85	1,373.71
FBMEMAS	6,073.08	9,355.94
Papan Kedua	90.24	119.5
Pasaran MESDAQ	118.97	142.08
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	120,601.1	241,261.8
Nilai (RM juta)	141,631.3	353,683.9
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	849.3	1,657.4
Nilai (RM juta)	997.4	2,456.1
Nilai pasaran ¹ (RM juta)	727,792.4	1,077,281.5
Nilai pasaran ¹ /KDNK (%)	127.1	172.4
Jumlah syarikat disenaraikan¹		
Papan Utama	649	647
Papan Kedua	258	238
Pasaran MESDAQ	122	126
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga / nilai pasaran (%)	19.5	32.8
Jumlah urus niaga / jumlah sekuriti disenaraikan (%)	36.7	67.7
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan nilai pasaran tertinggi/nilai pasaran (%)	35.4	33.0

¹ Akhir tempoh.² Berdasarkan urus niaga pasaran.

Sumber: Bursa Malaysia.

KLCI susut 94.76 mata atau 6.9% kepada 1,278.95 mata pada 28 Ogos 2007 berbanding kedudukan pada akhir Julai 2007 disebabkan pasaran di seluruh dunia terjejas oleh krisis gadaai janji subprima di AS.

Aktiviti dagangan di Bursa Malaysia meningkat hampir dua kali dengan purata urus niaga harian sebanyak 1,675.4 juta unit dalam tempoh Januari-Julai 2007 (Januari-Julai 2006: 849.3 juta unit) seperti di *Jadual 5.11*. Pasaran juga disokong oleh aliran masuk dana asing yang lebih tinggi. Aliran masuk bersih dana portfolio ke pasaran ekuiti dan sekuriti hutang mencapai RM25.6 bilion dalam tempoh suku pertama 2007 (2006: RM12.9 bilion). Penyertaan asing mewakili 36.5% daripada jumlah nilai dagangan di Bursa Malaysia dalam tempoh Januari-Julai 2007 (2006: 34.3%).

Dari segi sektor, indeks sektor harta mencatat prestasi terbaik seperti di *Jadual 5.12*, dengan peningkatan 74.5% dalam tempoh Januari-Julai 2007 diikuti pembinaan 56.1% dan perladangan 42.6%. Peningkatan sektor harta dan pembinaan disokong oleh pelaksanaan projek RMKe-9, pengecualian RPGT, kelonggaran peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing dan langkah menambah baik sistem penyampaian pihak berkuasa tempatan serta penyertaan dalam projek

JADUAL 5.12

Bursa Malaysia: Prestasi Indeks Terpilih

Indeks	Akhir Disember 2006	Akhir Julai 2007	Perubahan (%)
Komposit	1,096.24	1,373.71	25.3
FBMEMAS	7,169.59	9,355.94	30.5
Papan Kedua	92.03	119.50	29.8
Pasaran MESDAQ	119.92	142.08	18.5
Syariah	157.36	209.21	32.9
FBM100	7,122.62	9,015.03	26.6
FBM30	7,059.89	8,655.57	22.6
FBM70	7,326.67	10,199.98	39.2
Pembinaan	200.02	312.27	56.1
Kewangan	8,656.12	11,280.58	30.3
Industri	2,225.47	2,626.86	18.0
Pertanian	4,315.91	6,156.58	42.6
Harta	693.49	1,209.93	74.5

Sumber: Bursa Malaysia.

pembinaan di luar negara. Sektor perladangan pula mendapat manfaat daripada harga komoditi yang lebih tinggi, khususnya minyak sawit.

Meskipun terdapat beberapa syarikat yang menswastakan saham mereka, termasuk sebuah syarikat telekomunikasi utama, pasaran ekuiti kekal sebagai saluran penting untuk memperoleh dana. Sejumlah 18 buah syarikat telah disenaraikan di bursa dalam tempoh Januari-Julai 2007, iaitu 10 di Papan Utama, lima di Papan Kedua dan tiga di Pasaran MESDAQ (2006: 40 penyenaian). Dana berjumlah RM4.97 bilion yang digembleng pada tempoh ini adalah lebih tinggi daripada RM4.55 bilion pada sepanjang tahun 2006, disokong oleh sentimen pelabur yang lebih baik dan prestasi KLCI yang memberangsangkan.

Industri Unit Amanah

Minat pelabur yang mapan menyokong pertumbuhan industri unit amanah...

Industri unit amanah terus berkembang dalam tempoh lima bulan pertama 2007 dengan pelancaran dana baru dan peningkatan bilangan unit dalam edaran. Pertumbuhan ini disebabkan minat pelabur yang mapan terhadap unit amanah sebagai instrumen pelaburan yang berdaya maju. Dalam tempoh lima bulan pertama 2007, sebanyak 45 dana baru telah dilancarkan menjadikan jumlah 435 dana pada akhir Mei 2007 (akhir 2006: 392 dana) seperti di *Jadual 5.13*. Unit dalam edaran meningkat 8.7% kepada 167.4 bilion (akhir Disember 2006: 10.5%; 154.1 bilion). Segmen unit amanah Islam terus berkembang dengan pelancaran 12 dana baru menjadikan 106 dana keseluruhan setakat akhir Mei 2007 (akhir 2006: 95 dana). Nilai aset bersih (NAV) industri unit amanah meningkat 18.0% kepada RM143.7 bilion dan mewakili 13.5% daripada nilai pasaran Bursa Malaysia (akhir 2006: 23.6%; RM121.8 bilion; 14.4%).

Bilangan dana baru yang dilancarkan untuk pelaburan di pasaran asing serta dana yang telah dilabur di pasaran luar negeri mencapai 128 dengan pelaburan sebanyak RM10.8 bilion pada akhir Mei 2007. Ini berikutan langkah

JADUAL 5.13

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2006	Akhir Mei 2007
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	38	39
Jumlah dana unit amanah ¹	392	435
Konvensional	297	329
Islam	95	106
Unit dalam edaran (juta)	154,067	167,449
Bilangan akaun (juta)	11.2	11.4
Jumlah aset bersih (NAV) (RM juta)	121,762	143,698
Konvensional	112,591	132,823
Islam	9,171	10,875
NAV/Nilai pasaran Bursa Malaysia (%)	14.4	13.5

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

liberalisasi selanjutnya yang membenarkan syarikat unit amanah melabur 10.0% daripada NAV dana pemastautin dalam dana asing pada 1 April 2004 kepada 30.0% mulai 1 April 2005. Had pelaburan ke luar negara telah dinaikkan kepada 50.0% daripada NAV dana pemastautin berkuat kuasa 1 April 2007 sebagai usaha memperluaskan peluang pelaburan untuk warga Malaysia.

Usaha Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) di pasaran modal mendapat sambutan positif. Dalam tempoh separuh pertama 2007, empat REIT baru telah disenaraikan menjadikan jumlah 13 REIT di Bursa Malaysia. Nilai pasaran REIT meningkat teguh sebanyak 73.5% kepada RM4.98 bilion pada akhir Jun 2007 (akhir 2006: RM2.87 bilion), mencerminkan minat pelabur yang meningkat terhadap REIT sebagai instrumen untuk pelaburan dalam pasaran harta tanah.

Walau bagaimanapun, perkembangan dana dagangan bursa (ETF) adalah perlahan di peringkat permulaan dengan hanya dua ETF tersenarai pada akhir Julai 2007. ETF yang baru disenaraikan ini menjejaki indeks FTSE-Bursa Malaysia 30 dan memberi lebih pilihan kepada

pelabur, di samping ETF indeks bon sejak Julai 2005. Lebih banyak ETF dijangka disenaraikan pada masa terdekat berikutan saranan kepada syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan untuk menyertai ETF melalui penjualan sebahagian daripada portfolio mereka sebagai pertukaran untuk unit dalam ETF. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan pada April 2007 untuk menjayakan inisiatif ini.

Pasaran Derivatif

Dagangan derivatif lebih tinggi dipacu oleh niaga hadapan KLCI dan CPO...

Dagangan **pasaran derivatif** lebih aktif dalam tempoh Januari-Julai 2007 dengan urus niaga meningkat hampir dua kali kepada 3.7 juta kontrak (Januari-Julai 2006: 2 juta kontrak). Minat pelabur tertumpu kepada niaga hadapan KLCI dan CPO dengan dagangan kedua-dua derivatif ini mencakupi 95.6% daripada jumlah urus niaga. Dagangan niaga hadapan KLCI meningkat dua kali kepada 1.8 juta kontrak (Januari-Julai 2006: 904,573 kontrak). Pembelian di pasaran niaga hadapan KLCI didorong oleh prestasi lebih kukuh KLCI yang mencatat beberapa kali paras tertinggi pada tahun 2007.

Pasaran niaga hadapan CPO kekal aktif dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 88.5% kepada 1.7 juta kontrak (Januari-Julai 2006: 918,805 kontrak). Urus niaga hadapan CPO lebih kukuh berikutan pengeluaran bijirin minyak makan dunia yang berkurangan, peningkatan permintaan bagi CPO Malaysia, terutamanya dari China, Pakistan dan India serta jangkaan pasaran berlaku pertambahan permintaan bagi biodiesel berasaskan minyak sawit. Perkembangan ini memberi tekanan kepada harga CPO dengan purata harga penanda aras niaga hadapan

CPO 3-bulan meningkat kepada RM2,199 satu tan metrik dalam tempoh Januari-Julai 2007 (Januari-Julai 2006: RM1,467 satu tan metrik).

Prospek 2008

Dasar monetari dan pasaran kewangan menyokong momentum pertumbuhan...

Dasar monetari pada tahun 2008 akan terus menyokong momentum pertumbuhan dengan kestabilan harga. Pertumbuhan ekonomi dijangka disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan persekitaran luar yang menggalakkan. Secara relatif, inflasi dijangka kekal rendah. Bagaimanapun, terdapat risiko dan ketidakpastian terhadap prospek inflasi, memandangkan harga dunia bagi tenaga, komoditi dan makanan yang kekal tinggi. Cabaran kepada dasar monetari adalah untuk bertindak awal ke atas sebarang tanda tekanan atau ketidakseimbangan yang muncul dalam ekonomi. Pelaksanaan dasar monetari akan ditentukan berdasar kepada penilaian perkembangan domestik dan antarabangsa serta implikasinya terhadap kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi negara.

Prospek pasaran modal kekal positif disokong keadaan ekonomi yang mapan dan sektor luar yang menggalakkan. Penerbitan hutang korporat dijangka dipacu oleh aktiviti pelaburan baru, M&A dan pelaksanaan projek RMKe-9, termasuk WPI, Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan koridor ekonomi yang lain. Persaingan antarabangsa dalam kewangan Islam dijangka meningkat dan Malaysia akan terus mempergiatkan inisiatif MIFC untuk mempercepatkan pertumbuhan kewangan Islam. Kehadiran peserta asing di pasaran dijangka mendorong persaingan dan pengenalan produk kewangan yang lebih inovatif.

LANGKAH UTAMA PASARAN MODAL

Langkah pasaran modal untuk memperkukuh lagi pasaran...

Langkah pasaran modal yang diperkenalkan dalam tempoh enam bulan pertama 2007 ditumpukan kepada memperkukuhkan lagi pasaran modal dengan meningkatkan perlindungan pelabur dan tadbir urus korporat; mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pasaran modal Islam; menggalakkan pasaran derivatif dan meningkatkan lagi kecekapan pasaran. Ringkasan langkah utama disenaraikan seperti berikut:

Meningkatkan Perlindungan Pelabur dan Tadbir Urus Korporat

- Berkuat kuasa 2 Januari 2007, hanya syarikat amanah yang berdaftar dengan SC layak dilantik sebagai pemegang amanah bon. Selain itu, kriteria pendaftaran juga memerlukan syarikat amanah yang bertindak sebagai pemegang amanah bon mempunyai rekod prestasi dan standard profesional yang tinggi.
- Pada 12 April, SC telah diterima sebagai penandatangan kepada perjanjian pelbagai hala Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti mengenai perkongsian maklumat dan penguatkuasaan undang-undang sekuriti untuk melindungi pelabur daripada penyalahgunaan pasaran rentas sempadan. Dengan ini, SC kini mendapat manfaat daripada rangkaian yang luas untuk bekerjasama dengan pengawal selia dari pasaran maju utama.
- Pada 9 Mei, pindaan dibuat kepada peraturan Penjelasan Sekuriti Bursa Malaysia Sdn Bhd untuk memperkukuh rangka kerja peraturan kemungkiran berhubung transaksi penjelasan dan pembayaran sekuriti.
- Pada 11 Jun, SC telah memulakan operasi menyekat akses kepada laman web yang menawarkan skim pelaburan tidak sah kepada orang awam. SC bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan CyberSecurity Malaysia untuk mengesan, mengenal pasti dan menyekat akses kepada laman web tempatan dan asing yang mempromosikan skim penipuan pelaburan. Pada masa yang sama, pelabur skim tersebut digesa mengeluarkan pelaburan dan menutup akaun mereka serta merta.
- Pada 15 Jun, pindaan telah dibuat kepada syarat penyenaian Papan Utama, Papan Kedua dan Pasaran MESDAQ yang memerlukan penzahiran kelayakan audit dalam laporan suku tahun syarikat tersenarai awam (PLC).
- Pada 21 Jun, Bursa Malaysia telah menubuhkan Persatuan Perhubungan Pelabur Malaysia (MIRA), satu badan profesional untuk menerajui pembangunan perhubungan pelabur di Malaysia. MIRA dibiayai oleh Tabung Pembangunan Pasaran Modal, iaitu tabung berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyokong pembangunan pasaran modal negara yang cekap, inovatif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Dalam pada itu, Manual Perhubungan Pelabur Bursa Malaysia akan membantu membimbing PLC untuk mereka bentuk program perhubungan pelabur bagi memaklumkan pelabur mengenai amalan perniagaan PLC.

Memperkukuh Kedudukan Malaysia Sebagai Pasaran Modal Islam Antarabangsa

- Pada 22 Januari, Bursa Malaysia dengan kerjasama Kumpulan FTSE, yang merupakan penyedia indeks global, telah melancarkan indeks FTSE-Bursa Malaysia EMAS Syariah. Indeks ini akan berjalan selari dengan Indeks Syariah Kuala Lumpur (KLSI) sehingga 1 November 2007 apabila KLSI akan ditamatkan. Indeks FTSE-Bursa Malaysia EMAS Syariah akan menjadi indeks penanda aras untuk pelaburan mematuhi syariah Malaysia.

- Pada 27 Mac, BNM dan SC mengeluarkan Nota Maklumat Bersama berkaitan rangka kerja pemudahan pengawalseliaan bagi terbitan bon dan sukuk dalam denominasi mata wang asing di Malaysia. Nota ini menggariskan prosedur bagi terbitan bon dan sukuk dalam denominasi mata wang asing oleh penerbit yang layak.
- Pada bulan Mac, SC dan Dubai Financial Services Authority telah menandatangani satu perjanjian pengiktirafan bersama bagi memudahkan aliran rentas sempadan dana Islam. Justeru, pada 29 Jun, SC mengeluarkan garis panduan baru yang mana dana daripada atau tersenarai dalam bidang kuasa yang diiktiraf oleh SC boleh ditawarkan terus ke Malaysia. Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC) merupakan bidang kuasa pertama yang diiktiraf untuk memberi warga Malaysia akses langsung kepada dana Islam DIFC. Pada masa yang sama, dana Malaysia kini juga boleh ditawarkan dan diedarkan di Dubai.

Mempromosikan Pasaran Derivatif

- Pada 14 Mac, Bursa Malaysia mengumumkan pengurangan fi transaksi derivatif dan semakan kepada kontrak niaga hadapan bertujuan mengembangkan pasaran derivatif sebanyak 40.0%. Berkuat kuasa 1 April 2007, fi bursa dan penjelasan untuk niaga hadapan KLCI dikurangkan daripada RM6 kepada RM5, niaga hadapan CPO daripada RM4 kepada RM3 dan derivatif kewangan daripada RM3 kepada RM1. Berkuat kuasa 16 Mac 2007, semakan kepada spesifikasi kontrak niaga hadapan CPO merangkumi pengenalan bulan kontrak baru, peningkatan dalam had kedudukan dan perubahan daripada had harga statik kepada dinamik.
- Pada 20 Mac, Bursa Malaysia mengumumkan penganjuran satu siri seminar pelaburan niaga hadapan di seluruh negara sepanjang tahun 2007. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan aktiviti dan menambahkan peserta di pasaran derivatif.
- Pada 13 Jun, Bursa Malaysia menaikkan margin permulaan (sejenis kolateral atau bon prestasi terhadap pelabur yang boleh dipulangkan selepas menyelesaikan semua transaksi) kontrak niaga hadapan CPO berkuat kuasa 15 Jun 2007. Kenaikan kadar margin ini bertujuan menangani volatiliti harga yang ketara di pasaran.

Meningkatkan Kecairan dan Kecekapan Pasaran

- Berkuat kuasa 3 Januari 2007, jualan singkat yang dikawal (RSS) dan pinjaman dan pemberian saham (SBL) diperkenalkan semula di pasaran modal Malaysia, bermula dengan senarai awal sebanyak 70 saham. RSS dan SBL dijangka menyumbang kepada kecairan yang lebih tinggi serta meningkatkan kerancakan pasaran.
- Garis Panduan Prospektus: Prospektus Ringkas (Garis Panduan AP) SC telah berkuat kuasa pada 15 Januari 2007. Di bawah Garis Panduan AP, rangka kerja terbitan hak telah diperkemas dengan meningkatkan keperluan penzahiran mengenai agihan saham hak berlebihan serta mengurangkan jangka masa pendaftaran bagi prospektus ringkas daripada tujuh kepada satu hari urus niaga dan dengan itu, meningkatkan kecekapan perolehan dana.
- Pada 9 Mac, Bursa Malaysia mengumumkan pelaksanaan SPEEDS untuk mengurangkan tempoh masa-ke-pasaran bagi pembahagian dan penyatuan saham serta terbitan bonus. SPEEDS membolehkan sekuriti hasil urusan korporat tersebut didagang pada keesokan hari urus niaga selepas tarikh penutupan buku, berbanding jangka masa sekarang dari 6 hingga 10 hari urus niaga.

- Pada 20 Mac, SC mengumumkan bahawa lebih daripada 60.0% permohonan bagi pengecualian daripada keperluan melaksanakan tawaran mandatori akan diluluskan dalam tempoh satu hari bekerja berbanding 21 hari sebelum ini.
- Pada 22 Mac, Bursa Malaysia mengumumkan pelaksanaan Akses Pasaran Langsung (DMA) yang merupakan satu aplikasi dagangan elektronik *zero touch* yang membolehkan pelaksanaan pesanan dagangan secara masa nyata. DMA akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan DMA Derivatif yang disasarkan untuk pelaksanaan menjelang akhir tahun 2007. Fasa kedua akan merangkumi ekuiti dan derivatif atas satu platform dagangan DMA dijadualkan untuk pelaksanaan pada tahun 2008.
- Pada 9 April, Bursa Malaysia mengumumkan pindaan penting berhubung penyenaraian syarikat asing di Malaysia serta waran berstruktur dan transaksi pihak berkaitan dalam keperluan penyenaraian. Pindaan tersebut bertujuan meningkatkan kepelbagaian dan aksesibiliti pasaran serta menambah baik kecekapan.